

10 APR 2000

MAJALAH BARU MENGENAI NEGARA-NEGARA SELATAN DITERBITKAN

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Seorang penerbit Malaysia telah menerbitkan majalah baru mengenai negara-negara membangun, "South Review" untuk pasaran antarabangsa.

Pengarang Urusan majalah berkenaan A. Sri K. Nayagam berkata "South Review" adalah majalah bebas yang akan memberi tumpuan kepada isu-isu seperti perdagangan, kewangan, teknologi dan hal ehwal semasa.

Ia berasal daripada majalah "South" yang sebelum ini diterbitkan di London dan kini beribu pejabat di sini.

Isu sulung majalah itu baru sahaja diedarkan dengan berita muka depan ditulis khas oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam artikel itu, Dr Mahathir memberi pandangan beliau mengenai globalisasi dan mendesak supaya negara-negara diberikan hak untuk memilih masa depan mereka dan melakukannya mengikut cara mereka sendiri.

South Review, yang dicetak oleh SNN Sdn Bhd, dijual dengan harga RM7 senaskhah di gerai-gerai buku.

Ia boleh juga didapati daripada SNN Sdn Bhd, Tingkat 2, No. 40, Persiaran 65C, Pekeliling Business Centre, Jalan Pahang Barat sini atau dengan menelefon 03-40253944/3964.

-- BERNAMA

AU LAT